

Pembudayaan aspek teknologi inovasi dalam kalangan tenaga pengajar kursus sastera di Universiti Malaysia Kelantan

The cultivation of technology and innovation aspects among literature course instructors at Universiti Malaysia Kelantan

**Mohd Saipuddin Suliman^{1*}, Nordiana Ab. Jabar², Fatimah Muhd Shukri³,
Daeng Haliza Daeng Jamal⁴, Norazimah Zakaria⁵, Lim Ying Xuan⁶**

^{1,2,3,4} Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

⁵ Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

⁶ Southern University College, 81300 Skudai, Johor, Malaysia

*Corresponding author: saipuddin.s@umk.edu.my

Received: 21 Sept. 2024; **Revised:** 24 May 2025; **Accepted:** 29 April 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Suliman, M. S., Ab. Jabar, N., Muhd Shukri, F., Daeng Jamal, D. H., Zakaria, N., & Lim, Y. X. (2025). Pembudayaan aspek teknologi inovasi dalam kalangan tenaga pengajar kursus sastera di Universiti Malaysia Kelantan. *PENDETA*, 16(1), 68-77. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.7.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.7.2025>

ABSTRAK

Objektif kajian ini untuk mengenal pasti segenap pendedahan dan peluang yang disediakan oleh pihak universiti kepada para pensyarah sastera di Universiti Malaysia Kelantan, UMK. Penelitian melibatkan aspek teknologi dan inovasi dan pada masa yang sama meneliti segenap penglibatan pensyarah sastera yang bersangkutan dengan aspek teknologi dan inovasi. Metodologi kajian melibatkan kaedah temu bual separa berstruktur dan persampelan bertujuan yang memfokuskan kepada pensyarah sastera dan beberapa wakil pengurusan fakulti sahaja. Dapatan kajian mendapati 60% pensyarah sastera terlibat secara aktif dalam pelbagai projek inovasi serta memanfaatkan aspek teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Sementara itu, segenap pendedahan dan galakan telah dibuat oleh pihak pengurusan fakulti dan universiti secara proaktif dan berkala. Sebagai cadangan, satu pelan tindakan perlu dirangka dalam usaha menggalakkan kesemua pensyarah atau setidak-tidaknya 95% dalam kalangan mereka melibatkan diri dalam aspek inovasi dan teknologi.

Kata kunci: pembudayaan; teknologi; inovasi; tenaga pengajar; sastera; UMK

ABSTRACT

The objective of this study is to identify all the exposures and opportunities provided by the University of Malaysia Kelantan (UMK) to its literature lecturers, while concurrently investigating the extent of their involvement in technological and innovation domains. The methodological approach entailed targeted sampling and semi-structural interviews, focusing on the literature lecturers and administrative management representatives within the faculty. The findings of the research revealed that 60% of literature lecturers are actively involved in a spectrum of innovative projects, integrating technological aspects into their instruction and educational practices. Meanwhile, all the exposures and incentives have been provided by the faculty and university management proactively and periodically. Consequently, it is suggested that an action plan should be drawn up in an effort to encourage all lecturers-with a target of at least 95% engagement in innovation and technology.

Keywords: cultivation; technology; innovation; literature; instructors; UMK

PENGENALAN

Dunia hari ini dibanjiri dengan data raya yang digandingkan dengan elemen kecerdasan buatan (AI), realiti maya (VR), realiti terimbuh (AR) dan sebagainya. Kesemua elemen ini menjengah ke dalam segenap bidang sama ada sains tulen mahupun sains sosial. Begitu juga dengan dunia pengajaran kesusasteraan, para guru dan pensyarah turut terkesan dengan impak kepesatan ini dan ada yang menyantuninya dengan sebaik mungkin serta ada pula yang menolaknya secara penuh lantas memilih untuk bersara awal.

Senario ini merupakan satu isu serius yang berlaku di mana-mana institusi di negara ini. Sebagai tenaga pengajar era Revolusi Industri 4.0, seharusnya kemahiran diri dipertingkatkan dan disesuaikan pada tahap optimum agar ilmu yang ingin disampaikan kepada anak didik kekal relevan dan seiring dengan zaman. Alizah Lambri dan Zamri Mahamod (2015) berpendapat jika seseorang pendidik hanya menggunakan satu kaedah pengajaran sahaja, pelajar akan menjadi bosan dan tidak seronok untuk mengikuti sesi pembelajaran.

Menurut Maznida Mahadi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Salinah Ja'afar dan Mawar Shafei (2019) perkembangan teknologi maklumat dan kewujudan pelbagai kemudahan komunikasi digital yang canggih dan terkini telah membuka peluang kepada komuniti sastera untuk mendapatkan maklumat, berita, informasi ataupun bahan pembelajaran secara efisien.

Kajian ini ingin mengenal pasti segenap pendedahan dan peluang yang disediakan oleh pihak universiti kepada para pensyarah sastera di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berkaitan aspek teknologi dan inovasi serta pada masa yang sama meneliti penglibatan pensyarah sastera yang bersangkutan dengan aspek teknologi dan inovasi.

Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas yang meneliti aspek teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di negara ini. Namun, kajian yang benar-benar memfokuskan aspek teknologi dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu agak kurang dilakukan. Di sini signifikan kajian ini dilakukan agar dapat menjadi panduan dan rujukan pengkaji mahupun pemakalah lain pada masa akan datang.

Terdapat kajian yang dijalankan oleh Rozaiman Makmun, Zamri Mahamod, Noor Izam Mohd Taib dan A. Rahman Haron pada tahun 2011 bertajuk Pengetahuan teknologikal pedagogikal kandungan Kesusasteraan Melayu: Peranan guru sastera dalam SPN 21. Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan guru sastera dalam pelaksanaan pendidikan Kesusasteraan Melayu yang selaras dengan tuntutan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21) di Brunei Darussalam. Perbincangan berasaskan kepada konsep Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan (PTPK). Hasil kajian menunjukkan lima jenis pengetahuan yang saling berkaitan, iaitu pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogikal, pengetahuan tentang latar belakang dan kesediaan pelajar, pengetahuan penaksiran, serta pengetahuan teknologikal. Didapati, SPN 21 yang diperkenalkan pada tahun 2008 telah menekankan proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar serta mengutamakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Berikutnya, terdapat satu kajian bertajuk Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu mempertingkatkan keyakinan dan keberhasilan guru semasa latihan mengajar yang dilakukan oleh Ani Omar pada tahun 2016. Kajian ini berperanan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru Kesusasteraan Melayu masa kini serta menganalisis integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu bagi meningkatkan keyakinan dan keberkesanan guru semasa latihan mengajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Selain analisis teks dan kajian kepustakaan, kaedah lapangan turut digunakan bagi melengkapkan kajian ini. Data dikumpulkan melalui pemerhatian terhadap guru pelatih yang mengajar semasa latihan mengajar pada Semester 2 (2014/2015) di empat sekolah terpilih di Negeri Sembilan dan Melaka. Hasil kajian mendapati kaedah pengajaran tradisional tidak lagi sesuai dijadikan pendekatan utama. Sebaliknya, guru perlu berusaha mengaplikasikan teknik-teknik pengajaran baharu yang menggunakan teknologi, yang mampu menarik minat pelajar dan menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Menerusi kajian bertajuk Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran guru Kesusasteraan Melayu yang diterbitkan pada 2024, Noor Syazwani Roni dan Zamri Mahamod telah menjalankan penelitian tahap pengetahuan TMK guru KM dan mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan TMK berdasarkan kategori sekolah dan pengalaman mengajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan memanfaatkan borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 25 untuk data deskriptif dan inferensi. Kajian melibatkan 182 orang guru Kurikulum Malaysia (KM). Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kalangan guru KM berada pada tahap tinggi. Ujian-T mendapati tiada perbezaan signifikan dalam pengetahuan TMK berdasarkan kategori sekolah. Sementara itu, Ujian ANOVA Sehalu juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara pengetahuan TMK guru KM dengan pengalaman mengajar. Oleh itu, adalah penting bagi guru KM untuk menguasai pengetahuan TMK agar proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) KM menjadi lebih menarik, menyeronokkan, serta mampu mencapai objektif yang ditetapkan.

Seterusnya, Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman dan Nor Asiah Ismail ada menjalankan satu kajian bertajuk Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Komsas Guru Bahasa Melayu di Kelantan pada tahun 2021. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan teknologi, kemahiran, dan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di kalangan guru Bahasa Melayu di Kelantan. Sebanyak 297 orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah di Kelantan dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS Versi 22, dengan penekanan pada min, sisihan piawai, peratusan, dan kekerapan. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan teknologi di kalangan guru Bahasa Melayu adalah tinggi, manakala tahap kemahiran dan penggunaan ICT adalah sederhana. Oleh itu, guru perlu diberi pendedahan berterusan melalui kursus dan latihan yang mengintegrasikan ICT dalam pengajaran. Dapatan kajian ini juga menjadi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menggubal atau memperbaiki kurikulum KOMSAS dengan menggabungkan elemen-elemen seperti pengetahuan pedagogi, kandungan, dan teknologi dalam pengajaran KOMSAS.

Sementara itu, terdapat satu kajian yang meladeni aspek Revolusi Industri 5.0 bertajuk Kerelevanan prosa klasik digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu pada era Revolusi Industri 5.0. Kajian Mardian Shah Omar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Mohd Fathul Khair Mohd Dahlan dan Nur Amirah Che Soh yang dijalankan pada tahun 2024. Kajian ini bertujuan untuk menilai kerelevanan pembelajaran prosa klasik melalui Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang disampaikan secara interaktif dan digital. Kajian ini juga meneliti nilai-nilai murni yang terkandung dalam prosa klasik serta bagaimana nilai-nilai tersebut dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat masa kini, terutamanya dalam kalangan remaja yang lebih terdedah kepada dunia media sosial dan teknologi. Kajian ini menggunakan kerangka Teori Laras oleh Ure dan Ellis (1977), yang memberi tumpuan kepada aspek fungsi sosial prosa klasik terhadap masyarakat, melalui pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan walaupun negara Malaysia semakin maju dalam bidang teknologi, terdapat penerimaan positif terhadap pembelajaran prosa klasik. Elemen prosa klasik masih dianggap relevan dan wajar dikekalkan, tetapi harus disampaikan secara digital dan interaktif untuk menarik minat generasi muda.

Pada sisi lain, Mohd Rohiman Subri dan Rohizani Yaakub telah menjalankan satu kajian bertajuk Pengetahuan pedagogi guru cemerlang Bahasa Melayu dalam pengajaran komponen sastera: Satu kajian kes. Kajian yang dijalankan pada tahun 2021 ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan pedagogi yang dimiliki oleh guru cemerlang Bahasa Melayu dalam pengajaran KOMSAS. Pendekatan kualitatif melalui kajian kes telah digunakan dalam penyelidikan ini. Tujuh orang informan dipilih secara bertujuan dan ditemu bual secara mendalam untuk mengumpulkan data. Hasil kajian menunjukkan pendekatan pedagogi yang dipilih oleh guru-guru ini melibatkan pendekatan komunikatif, tematik, didik hibur, dan modular. Selain itu, mereka juga mempelbagaikan bahan bantu mengajar dengan menggunakan teknologi serta bahan bercetak. Dapatan kajian menunjukkan pengurusan bilik darjah oleh guru-guru cemerlang ini adalah sangat sistematik dan teratur. Oleh itu, implikasi kajian ini dapat memberi panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu tentang keperluan untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan pedagogi yang diperlukan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi komponen sastera.


Berikutnya, terdapat satu kajian bertajuk Terapeutik dalam didik hiburan menarik minat belajar Bahasa Melayu murid pendidikan khas. Kajian yang dijalankan oleh Ramuna Abdul Raffar dan Mohd Mokhtar Tahar pada tahun 2022 ini memfokuskan kepada keberkesanan pendekatan terapeutik dalam didik hiburan terhadap perkembangan kemahiran kognitif, kemahiran sosial, dan komunikasi responden. Ia menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan lima orang murid Pendidikan Khas yang mempunyai masalah pembelajaran sebagai responden. Pengambilan sampel dilakukan secara bertujuan. Kajian ini memanfaatkan Model Kurt Lewin dan Teori Pembelajaran Sosial, Albert Bandura. Data dikumpulkan melalui ujian pra, ujian pos, senarai semak, dan temu bual. Instrumen kajian mengandungi item-item berkaitan kemahiran sosial yang diadaptasi daripada Penilaian Perkembangan Kanak-kanak Secara Portfolio oleh Rohani Abdullah (2001). Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan terapeutik dalam didik hiburan adalah sesuai untuk murid bermasalah pembelajaran, kerana mereka dapat terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti pengajaran yang berlangsung dalam suasana yang menyeronokkan. Memori yang positif dan menyeronokkan lebih mudah disimpan untuk jangka masa yang panjang.

Akhir sekali, menerusi kajian bertajuk Potensi kecerdasan buatan dalam proses kreatif puisi Melayu yang dilakukan oleh Daniel Arief Hafiz Shamsul Ariffin dan Rosnidar Ain pada tahun 2023, didapati beberapa objektif telah ditetapkan iaitu mengkaji penggunaan alat sokongan kreativiti berasaskan kecerdasan buatan dalam kesusasteraan dan memahami potensi terhadap proses penulisan kreatif. Kajian ini melibatkan analisis kualitatif puisi yang ditulis menggunakan alat sokongan kreativiti berasaskan kecerdasan buatan. Tinjauan ini bertujuan untuk mengumpul data mengenai analisis kualitatif dengan meneliti bentuk dan binaan dalam puisi Melayu. Hasil tinjauan menunjukkan penggunaan alat sokongan kreativiti ini secara meluas dianggap bermanfaat dalam menjana idea dan inspirasi baharu. Analisis kualitatif mendapati puisi Melayu yang dihasilkan melalui alat sokongan kreativiti ini menampilkan gaya bahasa, pola, nada, dan makna yang berbeza serta tidak konvensional. Kajian ini mencadangkan bahawa alat sokongan kreativiti berasaskan kecerdasan buatan boleh menjadi cara yang efektif untuk menyokong proses kreatif dalam kesusasteraan, membantu pengarang menjana idea baru, mengatasi sekatan penulisan, dan mencipta karya yang unik dan menarik. Namun, adalah penting untuk diingat bahawa alat ini harus digunakan bersama kreativiti dan pengetahuan manusia, kerana ia tidak dapat menggantikan sepenuhnya kreativiti manusia.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini melibatkan kaedah temu bual separa berstruktur dan persampelan bertujuan yang memfokuskan penglibatan pensyarah sastera dan beberapa wakil pengurusan fakulti. Dalam kaedah ini, pemilihan responden atau unit sampel tidak dilakukan secara rawak tetapi berdasarkan pertimbangan tertentu yang relevan dengan tujuan penyelidikan. Menurut Fraenkel dan Wallen (2006), persampelan merupakan satu proses dalam memilih sebilangan subjek daripada satu populasi untuk dijadikan responden kajian. Kesahan dan kebolehpercayaan sukar diperolehi sekiranya pemilihan sampel tidak tepat. Oleh yang demikian, perancangan persampelan akan memudahkan pengkaji mengumpul data dan seterusnya boleh mengurangkan ralat pengukuran.

Rajah 1 Persampelan bertujuan digunakan untuk mendapatkan responden yang berkaitan



Kesemua tenaga pengajar sastera seramai enam orang dan beberapa wakil pengurusan fakulti terlibat dalam penilaian kajian ini yang dijalankan secara temu bual separa berstruktur manakala segenap penglibatan dalam aktiviti inovasi yang dilakukan telah direkodkan untuk tujuan analisis dan perbincangan serta rujukan pengkaji lain pada masa akan datang.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kutipan data pengkaji, didapati pihak UMK ada mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan para pensyarah sastera membudayakan amalan inovasi. Antaranya:

1) Kreativiti dan Inovasi Ditonjolkan sebagai Salah Satu Domain yang Dinilai untuk Pencapaian Prestasi Tahunan Pensyarah

Menerusi penetapan kreativiti dan inovasi sebagai salah satu domain yang dinilai dalam prestasi tahunan membuatkan para pensyarah perlu bergerak untuk memulakan sesuatu projek inovasi. Pada hakikatnya, memang agak sukar untuk memulakan sesuatu projek inovasi berikutan perlu memikirkan pelbagai aspek dan perkara. Namun begitu, sekiranya tiada faktor pendorong, maka tidak akan wujud momentum untuk bergerak dan perkara ini dibimbangi menyebabkan para pensyarah sastera kekal pegun di takuk lama. Justeru, pendekatan ini dilihat amat tepat untuk menggerakkan pensyarah khususnya dalam elektif sastera bagi menukil idea dan menggalas projek inovasi. Berdasarkan kajian Suliman, M. S., Hiroyuki, Y., Ab. Jabar, N., Xuan, L. Y., & Mat Daud, M. S. (2021) terdapat tiga perkara yang perlu dinilai oleh sesuatu organisasi iaitu penambahbaikan inovasi, kajian risiko dan kajian prestasi. Kesemua kaedah ini wajar diambil perhatian bagi memastikan peningkatan kualiti secara berterusan.

Rajah 2 Pihak universiti menganjurkan Kursus Laporan Prestasi Tahunan (LNPT) yang melibatkan aspek penyelidikan dan inovasi



Berdasarkan sesi temu bual yang dijalankan, didapati lebih 60 % pensyarah sastera terlibat secara aktif dalam projek inovasi dan selebihnya lebih cenderung untuk menulis buku dan berkarya. Menurut Syed Ismail Mustapa, Azahar Aziz, Shamsazila Saaaban dan Salmiah Md Salleh (2023) kebanyakan universiti meletakkan sasaran yang tersendiri terhadap penglibatan pensyarah dalam penyelidikan dan inovasi. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan hanya 66% orang pensyarah sahaja yang berjaya menghasilkan antara satu hingga lima penyelidikan dalam tempoh lima tahun, manakala 34% orang pensyarah tidak menjalankan apa-apa penyelidikan dalam tempoh tersebut.

Secara praktikalnya, tidak semua tenaga pengajar mempunyai kemahiran dan minat untuk berinovasi. Namun, perkara ini boleh diasah dan diberikan galakan dari semasa ke semasa. Sementara itu, didapati terdapat beberapa pingat yang dimenangi dalam pertandingan inovasi oleh para pensyarah sastera di UMK. Di sini menunjukkan bidang sastera juga mampu memberikan saingan terhadap bidang lain dan usaha ini wajar diteruskan agar lapangan sastera tidak ketinggalan dalam arus teknologi yang deras dan sengit.

2) Mencadangkan Slot Inovasi Sebagai Salah Satu Aktiviti dalam Setiap Program

Cadangan slot inovasi sebagai salah satu aktiviti dalam program yang ditawarkan telah dijalankan dan didapati terdapat penyertaan pelajar secara aktif dalam mencipta projek inovasi malah terdapat dalam kalangan mereka yang memenangi pingat dalam beberapa pertandingan inovasi sama ada pada peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa. Perkara ini merupakan amalan baik untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar agar bertunas minda inovasi dalam kalangan mereka dan pada masa yang sama, para pensyarah yang membimbing pelajar tersebut secara tidak langsung terlibat dengan aktiviti inovasi ini. Evelyn Anak Sili dan Norazimah Zakaria (2023) berpendapat pendidik haruslah berubah untuk beradaptasi mengikut perubahan zaman, kemajuan teknologi serta pemikiran generasi baharu. Kemajuan teknologi amat mempengaruhi dalam melaksanakan pendekatan pengajaran yang kreatif, inovatif dan dinamik.

Kenyataan ini sejalur dengan amalan yang dilakukan di UMK berikutan terdapat kursus sastera iaitu *Magnum Opus Melayu, SCH3232* yang memerlukan pelajar mencipta permainan elektronik berasaskan kandungan sastera tradisional. Penilaian akan dibuat secara berkumpulan berikutan tidak mudah untuk mencipta sesebuah permainan elektronik secara individu dan perlu melalui banyak proses dan rancang. Dalam usaha untuk memastikan para pensyarah dan pelajar sastera mempunyai ilmu yang cukup sebelum memulakan sesuatu projek inovasi, beberapa pensyarah yang pakar dalam bidang multimedia dan animasi dijemput untuk memberikan penerangan dan mendemonstrasikan beberapa perisian yang sesuai untuk pembangunan permainan elektronik tersebut.

Setelah para pensyarah dan pelajar sastera tersebut sudah mempunyai idea dan memahami bagaimana untuk membangunkan permainan elektronik tersebut, maka pensyarah jemputan itu tadi akan dilantik menjadi juri untuk menilai hasil karya inovasi yang dicipta oleh para pelajar sastera tadi. Usaha ini didapati memberikan impak positif dan banyak produk inovasi berkonsepkan Sastera Melayu terhasil dan dapat dibawa ke pertandingan inovasi untuk dipertandingkan. Pendekatan ini wajar diteruskan dari semasa ke semasa agar perkembangan penciptaan inovasi berkembang pesat dan tidak terhenti pada masa akan datang.

Rajah 3 *Sebahagian daripada Hasil Produk Inovasi yang Dicipta oleh Pensyarah dan Pelajar Sastera di UMK*



3) Menganjurkan Pertandingan Inovasi Setiap Tahun

Berdasarkan aspek penganjuran pertandingan inovasi, didapati pihak universiti telah membuat hebahan dan menganjurkan pertandingan inovasi secara berkala. Objektif penganjuran ini untuk memastikan kakitangan akademik melibatkan diri dengan projek inovasi dan cuba memasarkan hasil produk yang terhasil berikutan teras universiti ini berjejak kepada aspek keusahawanan. Sementara itu, untuk memberikan galakan kepada semua bidang sama ada sains tulen atau sains sosial, pelbagai kategori disediakan.

Justeru, tiada alasan mengapa pensyarah beraliran sastera atau pelajar dalam bidang sains sosial tidak menyertai pertandingan inovasi. Menerusi hasil temu bual bersama pensyarah sastera, didapati terdapat pensyarah yang memenangi pingat emas dalam pertandingan inovasi peringkat universiti dan mendapat tawaran daripada pihak universiti untuk membawa produk tersebut ke pertandingan peringkat

kebangsaan. Jelas di sini, bidang sastera juga boleh pergi jauh dalam aspek inovasi sekiranya terdapat keazaman dan usaha berterusan dalam kalangan tenaga pengajar sastera itu sendiri dan ia harus disokong penuh oleh pihak fakulti dan universiti.

Jadual 1 Penglibatan pensyarah Sastera dalam aktiviti inovasi sepanjang tahun 2022-2023

No.	Tajuk Inovasi	Nama Pertandingan	Pencapaian	Tahun
1.	Pembelajaran Cerita Jenaka Pak Pandir Menggunakan Permainan Digital Melalui 3T dalam Kalangan Pemula	Carnival of Research and Innovation (CRI2023)	Emas	2023
2.	Modul Komprehensif Penulisan Kreatif Berlandaskan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) & Realiti Berperantara (AR)	International Science and Social Science Innovation Competition (I-SIC V)	Perak	2023
3.	Modul Komprehensif Pengajaran Sastera Berbantuan Teknologi Realiti Maya (VR) & Aplikasi Thinglink	International Science and Social Science Innovation Competition (I-SIC V)	Perak	2023
4.	Modul Pengajaran Puisi Tri- V (Verbal-Vokal-Visual) Berasaskan Augmented Reality-AR	International Science and Social Science Innovation Competition (I-SIC IV)	Emas	2022
5.	3T -Transformasi Cerita Puteri Saadong	Carnival of Research and Innovation (CRI 2022) Special Edition	Emas	2022
6.	3T -Transformasi Cerita Puteri Saadong	Invention, Innovation & Design Exposition (IIDEX 2022)	Gangsa	2022

Berdasarkan pencapaian di atas, didapati kesemua pencapaian ini tidak akan membuahkan manfaat secara holistik sekiranya hanya tenaga pengajar yang sama iaitu sebanyak 60% menyertai semua pertandingan tersebut. Oleh yang demikian, dicadangkan agar pensyarah yang aktif dalam penyertaan pertandingan inovasi ini melantik rakan pensyarah yang tidak pernah menyertai sebarang pertandingan inovasi untuk menjadi rakan inovator dalam projek inovasi yang akan datang. Tujuannya agar bercambah minat dalam diri pensyarah lain tatkala diberi galakan dan pendedahan secara berterusan. Perkara ini sejalur dengan pandangan Mohd Yusoff Dagang (2016) yang menyatakan bahawa pendedahan dan kefahaman tentang inovasi penting sebagai pemangkin awal kepada kepelbagaian aktiviti kreatif dan penghasilan inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh tenaga pengajar kemudiannya.

Rajah 4 Carnival of Research and Innovation (CRI) merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan di UMK



4) Menggalakkan Kolaborasi untuk Mencari Kaedah Terbaik dalam Penjanaan Idea Inovasi

Sementara itu, aspek kolaborasi memainkan peranan penting untuk memastikan idea atau produk yang terhasil daripada pertandingan inovasi praktikal, mengikut kehendak pasaran dan bermanfaat. Di sini pihak universiti mahupun fakulti perlu membina jaringan kerjasama sama ada dalam bentuk MoU, MoA atau LoI. Jalinan kolaborasi ini dapat dibuat dalam dua aspek iaitu sesama universiti yang mempunyai teras bidang yang sama ataupun pihak industri yang menghasilkan produk atau perkhidmatan yang selari dengan program yang ditawarkan di fakulti. Menurut Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah (2021) kolaborasi adalah elemen penting ketika penghasilan inovasi. Dalam kepelbagaian kekangan yang dihadapi ketika menghasilkan inovasi, kolaborasi dapat membantu memudahkan proses tersebut.

Rajah 5 Antara rakan kolaborasi yang terdiri daripada UMK, IPG, UTM, DBP, UNiKL, UiTM & IPTS



Jalinan kolaborasi dalam bidang penyelidikan, teknologi dan inovasi amat signifikan untuk memastikan para graduan mendapat ilham, pandangan serta cadangan secara langsung daripada pemain industri. Kesannya, para pensyarah sastrera dapat mengetahui keperluan industri pada masa kini dan membuat penambahbaikan dalam silibus kursus. Pada sisi lain, para pelajar dapat mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran yang sesuai seperti komunikasi, kemahiran insaniah dan kemahiran baharu yang kadangkala tidak ditemui di dalam bilik kuliah selain penghasilan produk inovasi yang semestinya meningkatkan nilai tambah mereka.

Sementara itu, tenaga pengajar sastrera juga perlu memanfaatkan segenap kolaborasi yang terhasil dengan membina rangkaian kerjasama dengan pemain industri agar bidang sastrera dapat berdaya saing dan bergerak secara dinamik selari dengan kepesatan Revolusi Industri 4.0. Senario ini ada diutarakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2021) yang berpendapat dengan tersebarnya Revolusi Industri 4.0, maka peranan teknologi menjadi semakin ketara dan mustahak.

KESIMPULAN

Secara intinya, didapati pihak pengurusan universiti telah mengambil langkah sewajarnya untuk menggalakkan tenaga pengajar sastera di UMK melibatkan diri dalam aktiviti berinovasi. Namun, segenap galakan ini hanyalah langkah awal. Pembinaan pengalaman dan keyakinan dalam diri harus dipupuk dan dibina oleh pensyarah itu sendiri. Sementara itu, keseronokan berinovasi mula dirasai apabila pensyarah berterusan menghasilkan produk inovasi. Galakan hanyalah sebagai titik mula kepada para pensyarah melaksanakan tanggungjawab mereka.

Didapati, walaupun terdapat tenaga pengajar yang kreatif dan inovatif, namun pihak pengurusan universiti perlu memainkan peranan dalam merangsang para pensyarah untuk memulakan budaya inovatif, dan seterusnya menyediakan suasana yang kondusif bagi tenaga pengajar untuk terus berinovasi. Dapatan kajian ini turut mendapati inovasi sesuai dihasilkan dalam sesuatu kumpulan agar idea dapat bercambah dan matang.

Akhir sekali, selain menghasilkan produk inovasi berteraskan elemen teknologi, motivasi bersifat kerohanian juga perlu sentiasa disuburi dalam kalangan pensyarah agar para pensyarah merasakan penghasilan inovasi ini adalah salah satu daripada kerja ibadah, dan menyakini bahawa usaha mereka akan dikurniakan ganjaran dan balasan yang setimpal di akhirat kelak. Apa yang penting di sini, segala usaha yang dilakukan haruslah ikhlas kerana Allah semata-mata dan bertujuan untuk mendidik anak bangsa agar tidak mundur dan menjadi insan cemerlang serta bitara khususnya dalam bidang kesusasteraan.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Universiti Malaysia Kelantan dan Dewan Bahasa & Pustaka (Wilayah Timur) atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ani Omar. (2016). Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu mempertingkatkan keyakinan dan keberhasilan guru semasa latihan mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9, 13-25.
- Evelyn Anak Sili dan Norazimah Zakaria. (2023). Keberkesanan aplikasi Wordwall dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa seloka Boros dan Jimat bagi pelajar Tingkatan 4. *Al-Azkiyaa – International Journal of Language and Education*, 2(1), 32-54.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2006). *How to design and evaluate research in education (6th ed.)*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman dan Nor Asiah Ismail. (2021). Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan KOMSAS guru Bahasa Melayu di Kelantan pada tahun 2021. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 47-60.
- Jalaluddin, N. H. (2021). Inovasi dalam penyelidikan dialektologi. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 35-53.
- Lambri, A., & Mahamod, Z. (2015). Pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 98-117.
- Maznida Mahadi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Salinah Ja'afar dan Mawar Shafei. (2019). Tema kepentingan kepelbagaian gadget dan komunikasi digital. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 408-421.
- Mardian Shah Omar, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Mohd Fathul Khair Mohd Dahlan dan Nur Amirah Che Soh. (2024). Kerelevanan prosa klasik digital dalam pembelajaran bahasa Melayu pada Era Revolusi Industri 5.0. *Pertanika, J. Soc. Sci. & Hum*, 32(S1), 161-181.

- Mohd. Hairil Faiz Hanafiah. (2012). Kreativiti dalam kalangan pensyarah aliran sains sosial di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru: Satu aplikasi Teori Identiti Peranan Kreatif [Tesis Sarjana, UTM]. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
<http://eprints.utm.my/39778/5/MohdHairilFaizHanafiahMFPPSM2012.pdf>
- Mohd Rohiman Subri dan Rohizani Yaakub. (2021). Pengetahuan pedagogi guru cemerlang Bahasa Melayu dalam pengajaran komponen sastra: Satu kajian kes. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 50-64.
- Mohd Yusoff Dagang. (2016). Amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah- sekolah negeri Johor. *Tesis PhD Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. UTHM Institutional Repository.
<http://eprints.uthm.edu.my/10034/>
- Noor Syazwani Roni dan Zamri Mahamod. (2024). Pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran guru kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 51-61.
- Ramuna Abdul Raffar dan Mohd Mokhtar Tahar. (2022). Terapeutik dalam didik hiburan menarik minat belajar bahasa Melayu murid pendidikan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 95-105.
- Rozaiman Makmun, Zamri Mahamod, Noor Izam Mohd Taib dan A. Rahman Haron. (2011). Pengetahuan teknologikal pedagogikal kandungan kesusasteraan Melayu: Peranan guru sastra dalam SPN 21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 85-98.
- Suliman, M. S., Hiroyuki, Y., Ab. Jabar, N., Xuan, L. Y., & Mat Daud, M. S. (2021). Impak pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastra dan budaya di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 10-20.
- Syed Ismail Mustapa, Azahar Aziz, Shamsazila Saaaban dan Salmiah Md Salleh. (2023). Budaya penyelidikan pendidikan, inovasi dan penulisan dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG). *Jurnal Penyelidikan Tempawan*, 12(23), 150-164.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. (2021). Kolaborasi dalam penghasilan inovasi pengajaran. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa: MANU*, 32(2), 1-17.